

MESYUARAT LEMBAGA GABENOR PENDIDIKAN DAN LATIHAN TUDM SIRI 21/18

airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4234-mesyuarat-lembaga-gabenor-pendidikan-dan-latihan-tudm-siri-21-18

KUALA LUMPUR, 11 Disember 2018 - Timbalan Panglima Tentera Udara, Lt Jen Dato' Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM telah mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Gabenor Pendidikan dan Latihan TUDM Siri 21/18 bagi meneliti dan membincangkan perancangan kursus yang akan dilaksanakan pada tahun 2019 (Prospektus TUDM 2019).

Mesyuarat yang diadakan selama 2 hari bermula 10 hingga 11 Disember 2018 bertempat di Amverton Cove & Island Resort, Pulau Carey turut dihadiri oleh Panglima Pendidikan dan Latihan Udara, Lt Jen Dato' Hj Mohd Asghar Khan bin Goriman Khan TUDM; Ketua Staf MPOU, Mej Jen Dato' Zahani bin Zainal Abidin TUDM, Asisten Ketua Staf-Asisten Ketua Staf dan semua ahli Lembaga Gabenor.

